

08 OCT 1997

Mahathir - Putrajaya (Bergambar)

DR MAHATHIR BANGGA RAKYAT MALAYSIA BERTEKAD KUAT

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan kebanggaannya terhadap rakyat Malaysia yang kini mempunyai tekad yang kuat untuk bekerja lebih keras dan bersatu dalam menghadapi masalah ekonomi negara sekarang.

Perdana Menteri berkata walaupun negara kini "lebih miskin" daripada segi kewangan akibat krisis ekonomi, rakyat pada masa yang sama menjadi "lebih kaya" daripada segi tekad.

"Tekad yang kuat ini seharusnya dipupuk untuk menempuh kejayaan, (kerana ia) satu ciri yang telah berjaya kita pupuk selama 40 tahun sehingga kita sanggup berdiri tegap hari ini dan membuktikan kepada dunia bahawa kita adalah sebuah negara yang dibina berlandaskan 'substance' dan bukan bentuk yang kosong," katanya ketika merasmikan pelancaran bandar baru Putrajaya, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini. Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Putrajaya yang terletak di kawasan seluas 4,581 hektar, 25 km ke selatan sini, akan menjadi pusat pentadbiran baru kerajaan Persekutuan.

"Tekad yang lebih kuat ini tidak terbatas kepada pihak yang terlibat dalam pembangunan Putrajaya sahaja, malah ia dapat dilihat di mana-mana sahaja dan ditunjukkan oleh mereka yang bangga menjadi rakyat Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata pelancaran projek Putrajaya penting berikutan persoalan yang ditimbulkan sejak kebelakangan ini ialah sama ada ia akan dilancarkan atau tidak.

"Pelancaran bandar raya ini memberikan mesej yang jelas bahawa bukan semua projek di Malaysia dibekukan, apatah lagi pusat pentadbiran baru kerajaan pusat," katanya.

Perdana Menteri turut menyatakan keyakinannya bahawa projek yang diusahakan bersama oleh Putrajaya Holdings Sdn Bhd serta MRCB, Peremba, SP Setia, Hong Leong Properties dan Malaysian Plantations itu, tidak terjejas oleh kesan sampingan akibat serangan terhadap ringgit dan pasaran saham.

Dr Mahathir berkata pembinaan Putrajaya merupakan contoh kejayaan Malaysia yang tidak gentar untuk mendirikan struktur yang praktikal dan berfaedah kerana negara ini tidak berminat untuk membina tugu, patung ukiran dan simbol untuk melambangkan kejayaannya.

Putrajaya, sebuah bandar taman bestari, akan menjadi bandar raya alaf baru yang dibina sendiri oleh rakyat Malaysia, dan telah menyebabkan sesetengah pihak iri hati terhadapnya.

"Ia benar-benar bersifat Malaysia. Putrajaya akan merupakan sebuah bandar raya yang unik yang dibina dengan semangat Malaysia dan untuk semua rakyat Malaysia," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata bandar raya yang mencerminkan ciri-ciri dan semangat rakyat Malaysia itu akan menjadi satu lagi mercu tanda yang menunjukkan keupayaan Malaysia dalam pembangunan bandar, khususnya dalam membina bandar raya untuk kerajaan dan rakyat.

Putrajaya akan menjadi pusat kerajaan elektronik yang akan membawa Malaysia ke barisan depan Zaman Maklumat dan pada masa yang sama, menjadi bandar raya yang membolehkan manusia menghayati keindahan alam semula jadi dalam suasana damai dan tenteram.

Dr Mahathir berkata Putrajaya boleh dibangunkan dengan prasarana maklumat paling baik dan terkini seperti rangkaian optik gentian bagi lebar jalur setinggi 2.5 gigabit sesaat dan 10 gigabit sesaat, untuk menyokong

teknologi semasa, baru dan yang akan dicipta dan boleh digunakan dalam persekitaran kerajaan elektronik.

Ini bagi memastikan Malaysia dapat berada di laluan pantas untuk membolehkan negara merebut peluang-peluang yang dibawa Zaman Maklumat.

Dr Mahathir berkata Putrajaya dirancang dengan teliti dari awal bagi mengatasi masalah seperti dihadapi bandar raya lain di dunia yang membangun terlalu pesat hingga manusia dan alam semula jadi tidak dapat wujud bersama.

"Tumpuan akan diberikan kepada keserasian dan suasana yang berharmoni antara manusia, alam semula jadi dan teknologi. Ia akan menggabungkan perancangan bandar, lanskap dan pemeliharaan eko-budaya yang paling baik," katanya.

Pembinaan bandar raya itu yang dibuat tanpa mewarisi sebarang teknologi dan prasarana lama merupakan satu kelebihan, menjadikannya kurang rumit berbanding pembinaan semula bandar lama atau bandar raya sedia ada.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, faktor sedemikian bukan bermakna bahawa pembinaannya kurang mencabar kerana faktor seperti penggunaan tanah dan prasarana perlu dirancang dengan teliti.

Dengan dasar dan garis panduan lengkap yang telah dirangka untuk pengagihan penggunaan tanah, sistem pengangkutan, utiliti dan prasarana, perumahan, kemudahan awam, teknologi maklumat, padang dan taman, Perdana Menteri berkata beliau yakin Putrajaya akan bangkit dari tapak seluas 4,581 hektar menjadi sebuah bandar raya yang memudahkan urusan perniagaan dan kegiatan ekonomi serta menyediakan kehidupan bandar yang berkualiti.

Apabila siap, Putrajaya dijangka mempunyai 570,000 orang dan daripada itu dianggarkan 300,000 orang adalah penghuninya.

Putrajaya yang meliputi 12.8 peratus atau 585.6 hektar kawasan berair dan berpokok, menyediakan tasik buatan manusia dan "wetlands" bagi membolehkannya mempunyai ekosistem seimbang dan boleh dikekalkan.

Dr Mahathir berkata pemaju-pemaju bandar baru lain perlu mencontohi Putrajaya dalam memberi perhatian khusus kepada simbiosis manusia, alam semula jadi dan teknologi dalam pembangunannya.

Di Putrajaya, 'wetlands' direka bentuk sebagai tapisan semula jadi bagi air yang mengalir ke dalam tasik. Ia juga akan menjadi tempat bagi kajian terhadap 'wetlands' dan penghuninya.

Putrajaya dinamakan sempena nama Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan dianggarkan bernilai RM24 bilion.

Jabatan Perdana Menteri dan kediaman rasmi Perdana Menteri, merupakan fasa pertama projek yang akan siap Oktober tahun depan. Kerajaan telah memutuskan bahawa projek itu diteruskan walaupun projek-projek besar lain ditangguh berikutan krisis ekonomi negara.

-- BERNAMA

RAZ SJA oba